

COVID-19: Hanya 10 kes baharu, rekod jangkitan harian paling rendah
Astro Awani
28 Mei 2020
Harits Asyraf Hasnan,

PUTRAJAYA: Malaysia hanya merekodkan 10 kes baharu jangkitan COVID-19 sehingga jam 12 tengah hari Khamis, sekali gus menjadi bilangan kes harian paling rendah setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata semua kes tersebut melibatkan penularan tempatan dengan lima kes adalah warga asing.

Selain itu, tiada kes kematian direkodkan dalam tempoh 24 jam yang lalu.

"Sehingga 28 Mei jam 12 tengah hari, terdapat 10 kes baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 7,629 kes.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,345 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

"Daripada maklumat terkini yang dilaporkan kepada Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak 115 kes iaitu 1.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Ingin dimaklumkan bahawa kesemua 10 kes baharu yang dilaporkan adalah penularan tempatan, dengan lima kes adalah bukan warganegara Malaysia. Tiada kes

import yang mendapat jangkitan di luar negara," katanya pada sidang media harian perkembangan penularan wabak COVID-19 di sini pada Khamis.

Selain itu katanya, terdapat 86 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 sebanyak 6,169 kes atau 80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-hanya-10-kes-baharu-rekod-jangkitan-harian-paling-rendah-244647>